



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## **PENANGGUHAN PENGUATKUASAAN LABEL PENANDAAN MINYAK ENJIN**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup memandang serius aspek keselamatan dan kesejahteraan pengguna yang membeli dan menggunakan minyak enjin di dalam Negara ini. Kementerian telah pun merangka satu perundangan khusus bagi melindungi dan mengawal selia jualan dan pengedaran minyak enjin di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Minyak Enjin Bagi Kenderaan Motor) 2024. Di bawah perintah ini, mulai 7 April 2025, minyak enjin kenderaan motor yang dijual di pasaran tempatan diwajibkan mempamerkan label pematuhan yang diperakukan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM).

Walau bagaimanapun, Kementerian telah menerima beberapa permohonan dan maklum balas daripada pemain industri dan persatuan berkaitan minyak enjin berhubung kekangan teknikal dalam mematuhi pelaksanaan Perintah ini, terutama dalam aspek kesukaran untuk menghabiskan bekalan minyak enjin yang sudah diedar dan sedang berada di pasaran tempatan. Sehubungan itu, Kementerian bersetuju bagi menangguhkan penguatkuasaan Perintah ini selama 6 bulan bermula dari tarikh penguatkuasaan asal iaitu pada 7 April 2025.

Kementerian menggesa agar pihak industri mengambil tindakan sewajarnya dan memastikan minyak enjin yang akan dijual di pasaran telah mempunyai label pematuhan yang diperakukan oleh SIRIM pada 7 Oktober 2025 kelak.

Selepas tempoh penangguhan ini berakhir, tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana syarikat pengimport, pengedar atau penjual yang menjual produk yang tidak diperaku dan tiada label pematuhan yang sah daripada SIRIM. Mana-mana pertubuhan perbadanan, yang disabitkan kesalahan di bawah Perintah ini boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit. Bagi individu, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pada masa yang sama, Kementerian akan meneruskan sesi libat urus bagi memastikan pihak industri mengambil langkah segera bagi mematuhi Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Minyak Enjin Bagi Kenderaan Motor) 2024.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung perkara berkaitan boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada pihak Kementerian melalui saluran-saluan berikut:

- i) Aplikasi WhatsApp ke 019-848 8000;
- ii) Portal e-Aduan KPDN iaitu <https://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii) Call centre 1-800-886-800; dan
- iv) Aplikasi telefon pintar Ez Adu KPDN.

**DATUK AZMAN BIN ADAM**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

11 April 2025